

19/04/1999

Usah rosak masa depan (HL)

Badrila Jamlus

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan pelajar menyertai penyokong reformasi dalam perhimpunan haram dan rusuhan di sekitar ibu kota, bukan saja merosakkan imej negara, malah menjejaskan masa depan mereka.

Menurut Perdana Menteri, pelajar sepatutnya menumpukan perhatian kepada pelajaran dan tidak terbabit dalam tunjuk perasaan kerana perbuatan itu tidak memberi sebarang manfaat.

"Saya berasa amat sedih kerana sepatutnya mereka tumpukan kepada pelajaran kerana kita nak rakyat di masa depan lebih terpelajar, tetapi mereka membazirkan masa dengan kegiatan yang tidak akan datang apa-apa manfaat.

"Kalau di dalam negara, kita tak hormati undang-undang dan sistem perundangan mahkamah, kita semua akan menderita kerana kalau semua orang bertindak melanggar undang-undang mereka juga yang akan jadi mangsa," katanya selepas melawat Muzium Kesenian Islam (MKI) di sini, hari ini.

Dr Mahathir yang dalam cuti rehat selepas menjalani rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) kerana jangkitan paru-paru, tiba di muzium itu pada jam 9.30 pagi dengan memandu sendiri kenderaan pacuan empat roda.

Sempena lawatan itu, Perdana Menteri turut menerima cenderamata berbentuk buku daripada Pengerusi Eksekutif Yayasan Al-Bukhary, Datuk Syed Mokhtar Al-Bukhary serta Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Beit al-Quran di Bahrain, Dr Abdul Latif Jassim Kanoo. Hadir sama, Pengarah MKI, Syed Muhammad Al-Bukhary.

Perdana Menteri yang ditemui pemberita selepas lawatan kira-kira sejam itu, berkata pihak tertentu mengambil peluang mengadakan tunjuk perasaan semata-mata untuk menjejaskan keamanan yang dinikmati rakyat sekarang, sekali gus merosakkan imej negara.

Ini adalah kenyataan pertama Dr Mahathir mengenai tunjuk perasaan dan rusuhan yang dicetuskan penyokong reformasi sejak beberapa hari lalu berikutan keputusan Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman penjara enam tahun ke atas Datuk Seri Anwar Ibrahim, selepas didapati bersalah terhadap empat tuduhan rasuah, Rabu lalu.

Sehingga kini, polis menahan 118 orang termasuk 32 pelajar yang terbabit dalam rusuhan itu. Polis turut merampas beberapa barangan dipercayai digunakan sebagai senjata dalam rusuhan berkenaan.

Mengenai penafian beberapa pemimpin parti pembangkang seperti Pas dan Parti KeADILan Nasional berhubung pembabitannya mereka dalam rusuhan itu, Dr Mahathir berkata:

"Walaupun mereka menafikan tetapi tidak dapat tidak kita lihat bendera Pas dibawa dan orang yang nampak macam penyokong Pas ada sama, demikian juga dengan KeADILan.

"Walaupun mereka nafi tetapi mereka kata di mulut saja, sebenarnya mereka memberi semangat kepada mereka yang terbabit dengan rusuhan untuk membuat tindakan yang tidak senonoh," katanya.

Dr Mahathir turut menyelar sesetengah pemimpin negara asing yang sekali lagi cuba mencampuri urusan dalaman Malaysia, termasuk mempertikaikan keputusan hukuman penjara enam tahun terhadap Anwar.

Menurut Perdana Menteri, pemimpin terbabit sepatutnya melihat keadaan di dalam negara mereka sendiri yang banyak berlaku ketidakadilan, penipuan dan menteri yang terbabit dengan rasuah.

Beliau berkata, mereka secara jelas sehingga hari ini melakukan

ketidakadilan terhadap golongan yang bukan kulit putih, termasuk masyarakat kulit hitam dan Orang Asli.

Dr Mahathir memberi contoh, baru-baru ini di New York dan London, orang kulit hitam dibunuh polis secara tersusun dan begitu juga peristiwa anak Orang Asli di Australia diasingkan daripada ibu bapa mereka.

"Semua ini menunjukkan bahawa pemerintahan kulit putih ini adalah pemerintahan perkauman dan mereka membuat komen ini kerana mereka mempunyai perasaan perkauman yang menidakkan kebolehan orang yang bukan kulit putih mengamalkan cara yang adil dan saksama," katanya.

(END)